

## **UKM Menang 2 Kategori Terbaik Dalam Pertandingan Maxis Mobile Content Challenge 2008**

Pasukan UKM telah berjaya menggondol 2 hadiah bagi kategori terbaik dalam pertandingan Maxis Mobile Content Challenge 2008 (MCC). Pada majlis penyampaian hadiah di Hotel Istana pada 10 Disember 2008 yang lalu, UKM yang diwakili oleh pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) telah memenangi hadiah bagi kategori “Best Mobile Info Base” dan “Best Mobile Commerce”, masing-masing diperolehi melalui pasukan Borderless dan pasukan v1tix.

Pertandingan yang bermula sejak bulan Julai 2008 memberi peluang kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan untuk membangunkan kandungan bagi telefon mudah alih. Pertandingan kali ini mencatatkan jumlah penyertaan terbanyak dengan 185 pasukan daripada 37 buah IPT telah mengambil bahagian. Pada peringkat saringan, setiap pasukan dinilai berdasarkan kertas kerja cadangan berkenaan kandungan yang akan dibangunkan. UKM telah menghantar 7 pasukan dan 3 daripadanya telah terpilih sebagai finalis untuk mengisi 12 slot di peringkat akhir. Para finalis telah diberi masa selama 2 bulan untuk membangunkan prototaip kandungan dan membentangkannya kepada panel hakim pada 30 Oktober 2008. Setiap pasukan juga dibimbang oleh mentor yang terdiri dari syarikat-syarikat industri kandungan telefon mudah alih.

Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Maxis Corporation Berhad (Maxis) dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Pertandingan ini menawarkan 1 hadiah utama bernilai RM60,000 dan 4 hadiah kategori dengan setiap satu bernilai RM10,000. Hadiah utama telah dimenangi oleh pasukan Kolej Bandar Utama (KBU) manakala UKM telah berjaya memperolehi kejayaan berganda melalui kemenangan dua pasukannya dalam dua kategori pertandingan. Turut memenangi hadiah kategori yang lain adalah pasukan UTM dan USM.

Kemenangan ini merupakan satu kejayaan besar bagi FKAB kerana pertandingan ini lebih menjurus kepada bidang teknologi maklumat dan sains komputer. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar UKM mempunyai kemampuan tinggi dalam mengaplikasikan disiplin lain yang bukan dari bidang yang diceburi mereka. Selain itu, pertandingan ini juga telah berjaya memupuk semangat keusahawanan para pelajar dalam menceburi bidang kandungan yang masih di peringkat awal di negara kita.



Pelajar dan pensyarah UKM bersama dengan hadiah yang dimenangi